

Teknik Membaca Know Want Learn How (KWLH) Dalam Kalangan Pelajar

**Awatif Abdul Rahman
Hairun Najuwah Jamali
Ku Fatahiyah Ku Azizan
Jabatan Bahasa, Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor**

Abstrak

Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia telah meletakkan matlamat membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran asas bahasa antaranya ialah kemahiran membaca. Penggunaan teknik yang sesuai akan memudahkan kefahaman pelajar di samping memaksimumkan kemahiran yang diperolehi. Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan teknik KWLH (Know,Want,Learn,How) dalam kemahiran membaca bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), menganalisis penerimaan pelajar terhadap teknik ini dalam kemahiran membaca serta keberkesanan teknik KWLH ini untuk menarik minat membaca dalam kalangan pelajar di KUIS. Instrumen soal selidik digunakan dalam proses pengumpulan data. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan seramai 35 orang pelajar terpilih sebagai sampel kajian. Data diproses menggunakan SPSS versi 20.0. Dapatan kajian akan dilaporkan di akhir kajian. Beberapa cadangan penambahbaikan dicadangkan di akhir kajian untuk pemantapan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kemahiran asas bahasa Arab khususnya kemahiran membaca.

Kata kunci: *Teknik KWLH, Kemahiran membaca.*

Abstract

Teaching Arabic in Malaysia has put the goal of enabling students to master the four basic language skills such as reading. Use appropriate techniques will facilitate students' understanding and to maximize the skills acquired. This study aims to introduce a technique KWLH (Know, Want, Learn, How) in reading Arabic at Selangor International Islamic University College (college), analyze the students' acceptance of these techniques in their reading skills as well as effective techniques for attracting KWLH reading students at the college. Questionnaire used in the data collection process. This study is a survey of 35 students selected for the study. Data were processed using SPSS version 20.0. The findings will be reported at the end of the study. Some of the proposed improvements at the end of the study for the proposed consolidation of the process of teaching and learning in the basic skills of Arabic language skills, particularly reading.

Keywords: *Technique KWLH, Reading skills.*

1. PENDAHULUAN

Pengajaran kemahiran membaca termasuk dalam kemahiran berbahasa. Kemahiran berbahasa dalam bahasa Arab meliputi empat kemahiran asas iaitu; kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Antara objektif pengajaran bahasa secara umumnya adalah untuk memahirkan pelajar-pelajar kemahiran-kemahiran berbentuk psikomotor. Pelaksanaan pengajaran kemahiran berbahasa mestilah tidak memisahkan dua kemahiran berbeza dalam satu masa. Oleh itu, aktiviti kemahiran berbahasa terutamanya kemahiran membaca, ada tiga peringkat dalam kemahiran ini iaitu peringkat permulaan, pertengahan dan lanjutan. Setiap peringkat ini diperkenalkan mengikut kesesuaian tahap pelajar untuk menerima dan mengaplikasi bahasa yang diperolehi.

Membaca merupakan salah satu sumber kepada pengetahuan dan asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan. Tujuan membaca ialah memahami teks yang dibaca dan kandungan teks memberi makna kepada pembaca (Yahya, 2005). Keupayaan membaca merupakan suatu kemahiran yang amat bernilai dan merupakan proses yang dinamik, iaitu memerlukan

komunikasi yang aktif dan bermakna antara pembaca dengan penulis. Membaca juga dikatakan sebagai keupayaan seseorang mengecam bentuk visual dan menghubungkan antara bentuk dengan bunyi dan melalui pengalaman serta berupaya mentafsirkan maksudnya. Pemahaman bacaan bergantung pada gabungan dari segi pengetahuan bahasa, gaya kognitif, dan pengalaman membaca.

Goodman (1994) telah mentakrifkan membaca sebagai proses psikolinguistik yang bermula daripada pembaca mengamati perkataan yang terdapat dalam teks yang dibaca sehinggalah terbentuknya makna berdasarkan pengamatan yang dilakukan. Ringkasnya, membaca ialah menyuarakan isi dan fikiran yang tertulis dan memahami kandungannya. Toeimah (1989) pula menyatakan proses membaca adalah suatu proses pececahan, pemahaman, kritikan dan tindak balas yang merupakan suatu aktiviti akal fikiran yang memerlukan penglibatan setiap aspek personaliti seseorang pembaca. Sehubungan itu, kepentingan penguasaan kemahiran ini telah menjadikan kefahaman bacaan sebagai satu aspek pelajaran yang wajib bagi pelajaran bahasa Arab di semua peringkat pengajian.

Oleh yang demikian, aktiviti membaca merupakan salah satu kemahiran bahasa yang penting untuk dikuasai samada dalam bahasa ibunda atau bahasa kedua. Tidak lengkap mempelajari sesuatu bahasa itu melainkan ia dapat menguasai kemahiran membaca bahasa yang dipelajarinya. Malah dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing atau kedua di Malaysia, kemahiran membaca adalah objektif utama yang perlu dikuasai memandangkan kemahiran-kemahiran lain kurang dipraktikkan secara meluas (Nik Rahimi, 1998). Keperluan dan situasi sebenar dalam mempelajari bahasa dalam kalangan masyarakat Malaysia dilihat lebih memerlukan tumpuan kepada kemahiran membaca (Kamarulzaman & Nik Rahimi, 2004).

Menurut Maimun (2007), pengajaran membaca adalah satu kemahiran penerimaan yang mana pelajar menerima teks dan memecahkan makna-maknanya. Hal ini adalah kerana dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, kemahiran membaca ini merupakan kemahiran yang penting di samping kemahiran mendengar, bertutur dan menulis. Antara tujuan pengajaran kemahiran membaca adalah mengajar pelajar membaca bahasa Arab dengan mudah dan santai serta memahami maknanya secara langsung tanpa terhenti pada perkataan dan ungkapan tanpa bantuan kamus ketika membaca. Sehubungan itu, dalam kaedah pengajaran membaca dibahagikan kepada dua iaitu; (i) kaedah deduktif yang dimulakan dengan diperkenalkan huruf dan bunyi huruf tersebut dan (ii) kaedah induktif yang dimulakan terus dengan memperkenalkan perkataan dan ayat (Rushdi Tae'imah, 1985).

Penguasaan bahasa beerti penguasaan satu sistem komunikasi yang tercermin di dalamnya akal budi dan pemikiran masyarakat itu (Awang Sariyan 2000). Seseorang yang telah menguasai bahasa beerti mereka telah menguasai satu cabang ilmu. Justeru, untuk memungkinkan seseorang menghayati bahan bacaan dengan sebaik-baiknya, tumpuan perhatian perlu diberi kepada aspek penguasaan bahasa. Hubungan antara penguasaan bahasa dengan proses pembacaan adalah saling berkaitan. Faktor keanekabahasaan sebagai asas pemerolehan maklumat yang luas melalui pembacaan juga antara ciri hubungan bahasa dengan kemahiran membaca.

Dalam proses membaca bahan bacaan bahasa kedua, penguasaan bahasa sasaran perlu dalam menguasai teks. Bagi tujuan tersebut, respons pembaca terhadap teks bertujuan untuk melancarkan lagi perjalanan proses transaksi maklumat daripada penulis kepada pembaca (Smith 1994). Ia melibatkan aspek linguistik seperti penguasaan morfologi, sintaksis dan semantik.

Dalam proses membaca dan mendapatkan makna daripada pembacaan, terdapat teknik-teknik yang diperkenalkan sebagai satu panduan kepada pembaca. Menurut Yahya Othman (2004), terdapat lima teknik yang biasa digunakan dalam kemahiran membaca. Walau bagaimanapun, teknik SQ3R dan KWLH dikenal pasti sebagai teknik membaca yang popular dalam meningkatkan kemahiran membaca.

Teknik KWLH ini diperkenalkan oleh Donna Ogle (1986) dalam Yahya Othman(2004) dalam usaha mengaktifkan pengetahuan masa lalu pelajar. KWLH bermaksud;

- K(Know) - apa yang diketahui
- W(Want) – apa yang hendak diketahui
- L(Learn) – apa yang hendak dipelajari semasa membaca bahan
- H(How) – Maklumat tambahan berkenaan tajuk yang dibaca

Pembaca yang menggunakan teknik ini akan mengaitkan pengalaman yang sedia ada dengan perkara yang dibaca. Kepelbagaian teknik ini tidak memalutkannya suatu dapatan yang berbeza. Pada akhir pembacaan, kesemua teknik ini menekankan keupayaan berfikir ketika membaca dalam usaha mendapatkan makna yang terkandung dalam teks.

Secara umumnya, teknik KWLH adalah sesuai bagi mengaktifkan pengetahuan lalu pelajar. Teknik membaca ini berfungsi untuk menjana pemikiran yang aktif ketika membaca. Teknik pembacaan KWLH adalah satu teknik membaca yang kritis supaya pelajar dapat meninjau apa yang sudah diketahui, apa yang akan diketahui, apa yang sudah dipelajari selepas membaca dan bagaimana perkara-perkara tambahan yang ingin diketahui dapat dipelajari.

2. PERNYATAAN MASALAH

Menurut Mat Taib Pa (2006), penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu amat lemah. Kelemahan mereka pula lebih ketara berbanding dengan pelajar-pelajar dahulu, walaupun dalam keadaan buku teks yang lebih baik, kurikulum yang lebih mantap dan guru yang lebih berkelayakan. Kelemahan ini juga dirasakan semakin hari semakin meningkat. Membaca merupakan proses yang paling banyak dilalui oleh pelajar semasa mereka menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Mereka membaca untuk mencari bahan tugas, menganalisis teks untuk mendapatkan maklumat, membaca jurnal, laporan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, mereka juga mengalami kesukaran dalam proses membaca terutama yang melibatkan usaha untuk memahami isi kandungan teks (Yahya, 2008).

Isu kelemahan menguasai bahasa Arab dalam kalangan pelajar sentiasa diperdebatkan (Kamarul Syukri, 2009). Majoriti pelajar yang mengambil bidang pengajian Islam dan bahasa Arab masih lemah dalam penguasaan bahasa Arab mereka (Muhammad Fauzi, 2010). Ab. Halim (2007) pula menyatakan bahawa penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar lepasan IPTA yang mengambil pengkhususan bahasa Arab tidak mencapai tahap kecekapan berbahasa yang baik. Tahap kecekapan berbahasa dalam sesuatu bahasa mempunyai hubungan dengan tahap penggunaan bahasa dalam konteks kehidupan seseorang (Ta'imah, 1989). Dalam konteks penggunaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar di IPT, didapati bahawa mereka menghadapi masalah berkomunikasi dan tidak mencapai tahap ketrampilan yang memuaskan dalam bahasa Arab.

Kenyataan ini diteguhkan dengan pernyataan Muhamad Pisol dalam Ab. Halim Mohamad (2009) iaitu kelemahan pelajar IPTA dalam menguasai bahasa Arab sudah diketahui umum dan amat mendukacitakan. Mereka juga kurang mampu membaca dan memahami bahasa surat khabar. Selain itu, prestasi pelajar dalam penguasaan Bahasa Arab khususnya tatabahasa Arab didapati semakin merosot. Dalam beberapa kajian yang telah dijalankan antaranya oleh Abdul Azizi (1998), Che Kamarudin (1999) dan Abdul Ghani (1999), mendapati bahawa pelajar yang mempunyai masalah lemah dalam penguasaan Bahasa Arab sangat lemah dalam pengetahuan asas bahasa. Kajian ini bertepatan dengan dapatan Ab. Halim (2005) dalam kajiannya terhadap 30 orang pelajar semester 4 dan 6 jurusan Bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati majoriti pelajar tidak dapat memahami ayat Arab dengan baik.

Dalam kajian oleh Baharin Abu et.al (2007) dapatan kajian pada keseluruhannya menunjukkan skor min bagi aspek kemahiran membaca berada antara yang sederhana di mana pelajar masih kurang

menggunakan teknik membaca yang betul seperti mengkaji rangka topik dahulu sebelum membaca sepenuhnya dan kurang membuat rumusan isi dengan perkataan sendiri.

Carrell (1992) dalam Yahya Othman (2008) menyatakan keupayaan untuk memahami banyak dipengaruhi oleh latar belakang bahan yang dibaca, bahasa yang sukar difahami, jenis dan panjang sesuatu petikan. Dapatan daripada kajian oleh Kid dan Greene (2002) menunjukkan pembaca dewasa juga menghadapi masalah dalam membaca seperti berkaitan kesedaran fonemik, analisis perkataan, kelancaran, perbendaharaan kata dan pemahaman. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, adalah penting mengkaji permasalahan yang wujud dalam proses membaca dalam kalangan pelajar universiti. Memandangkan penguasaan membaca dianggap penting dalam proses pembelajaran, pelajar perlu dinilai kemampuannya dalam aspek membaca untuk memastikan pembelajarannya berkesan.

Pengetahuan lalu berkaitan tajuk yang dibaca juga mempengaruhi pemahaman. Pengalaman hidup pembaca berkaitan kandungan teks yang dibaca memberikan peluang kepada mereka menyesuaikan pengalaman tersebut dengan maklumat teks. Walau bagaimanapun, masalah wujud kerana pembaca kurang memiliki pengetahuan lalu yang mungkin disebabkan kurangnya pendedahan ataupun peluang untuk menguasainya terhad. (Carrell 1987; Johnson 1981; Roller dan Matambo 1992).

Krashen(2002) menyatakan wujudnya hubungan dari segi kemampuan membaca antara pelajar bahasa pertama dengan bahasa kedua, kerana pembaca sering tidak mementingkan proses pemahaman membaca yang perlu dikuasai ketika membaca. Ini kerana mengikut Koda(2005) pembaca perlu melihat perspektif membaca dari segi proses konstruktif yang mengandaikan membaca memerlukan penguasaan skema yang mendasari pemahaman. Pembaca kurang memberikan perhatian secara komprehensif proses membaca yang dilalui.

Sehubungan itu, berdasarkan beberapa isu dan permasalahan yang diperbincangkan menunjukkan bahawa kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran asas berbahasa yang perlu dikuasai oleh pelajar untuk mencapai tahap kecekapan berbahasa yang baik. Dengan menguasai kemahiran membaca juga adalah sebagai asas utama kepada kemahiran lain. Bermaksud, jika gagal dalam penguasaan kemahiran membaca, bermakna sukar untuk menguasai kemahiran lain. Seiring dengan itu, pengkaji mengambil langkah positif untuk menjalankan kajian memperkenalkan teknik yang sesuai diaplikasi sebagai alternatif dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca serta penerimaan pelajar terhadap teknik tersebut dalam pengajaran kemahiran membaca.

3. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan teknik Know Want Learn How (KWLH) dalam meningkatkan kemahiran membaca bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) serta menganalisis penerimaan pelajar terhadap teknik ini yang diaplikasi dalam pembelajaran. Kajian ini juga akan mencadangkan penambahbaikan yang bersesuaian untuk memantapkan penguasaan kemahiran membaca dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di KUIS.

4. METODOLOGI

Kajian kuantitatif ini menggunakan soal-selidik untuk mengenal pasti pengetahuan dan penerimaan pelajar terhadap teknik KWLH dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca bahasa Arab di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Instrumen kajian ini diadaptasi daripada kajian Mohd Rofian et. al. (2012). Kesahan instrumen ini ialah pada aras 0.799 adalah tinggi. Soal selidik ini mengandungi 4 bahagian. Bahagian A ialah untuk mengetahui latar belakang pelajar manakala bahagian B pula mengandungi 9 item mengenai kemahiran membaca dan bahagian C pula mengandungi 8 item mengenai penguasaan bahan bacaan serta bahagian D pula adalah cadangan

untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca. Walau bagaimanapun, kertas kerja ini hanya akan membincangkan penguasaan bahan bacaan dalam kalangan mahasiswa di KUIS. Skala lima likert digunakan di dalam soal selidik ini. Lima skala yang digunakan ialah: [1] Sangat Tidak Setuju (STS); [2] Tidak Setuju (TS); [3] Setuju (S); [4] Sangat Setuju (SS). Kajian ini menggunakan pensampelan rawak mudah. Seramai 35 orang pelajar yang mengambil subjek Bahasa Arab sebagai subjek wajib Universiti di KUIS terlibat dalam kajian ini. Data kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan min, frekuensi dan peratusan.

5. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Seramai 35 orang responden daripada pelajar KUIS terlibat di dalam kajian ini, di mana majoriti adalah pelajar semester 3 tahun 2 daripada akademi Islam KUIS.

Analisis Data

Terdapat lima tahap skor min yang telah ditetapkan bagi semua item yang dikaji berdasarkan skor min iaitu 1.00 hingga 1.80 berada pada tahap sangat rendah, 1.81 hingga 2.60 berada pada tahap rendah, 2.61 hingga 3.40 berada pada tahap sederhana, 3.41 hingga 4.20 berada pada tahap tinggi dan 4.21 hingga 5.00 berada pada tahap sangat tinggi. Jadual 2 menunjukkan interpretasi kepada tahap skor min tersebut.

Jadual 1 Interpretasi Julat Skor Min

Julat	Tahap Skor Min
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Alias Baba (1999)

Jadual 2 Skor min bagi penguasaan bahan bacaan

Descriptive Statistics			
Item	N	Mean	Std. Deviation
Saya faham mengenai konsep KWLH	33	3.21	.545
Teknik ini sesuai diintegrasikan dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca.	35	3.49	.507
Teknik ini dapat meningkatkan penguasaan kefahaman bahan bacaan dalam kelas.	35	3.54	.505

Saya setuju jika teknik ini diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa khususnya bahan bacaan di peringkat universiti.	35	3.66	.539
Saya telah tahu maklumat mengenai teks yang dibaca.	35	2.94	.482
Saya ingin tahu mengenai maklumat yang ada dalam teks yang dibaca.	35	3.37	.547
Saya ingin pelajari mengenai maklumat yang ada dalam teks yang dibaca.	35	3.51	.507
Saya dapat mencari maklumat tambahan yang baru berkaitan teks yang dibaca.	35	3.60	.497

6. PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Daripada 8 item untuk penguasaan bahan bacaan, terdapat 3 item berada pada tahap interpretasi yang tinggi iaitu bagi item ke-4 iaitu *“Saya setuju jika teknik ini diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa khususnya bahan bacaan di peringkat universiti”* dengan nilai skor min iaitu 3.66, item ke-8 *“Saya dapat mencari maklumat tambahan yang baru berkaitan teks yang dibaca”* dengan nilai skor min 3.60 dan item ke-3 *“Teknik ini dapat meningkatkan penguasaan kefahaman bahan bacaan dalam kelas”* dengan nilai skor min 3.54. Terdapat dua item yang berada pada tahap yang sederhana iaitu item ke-1 *“Saya faham mengenai konsep KWLH”* dengan nilai 3.21 dan item ke-5 *“Saya telah tahu maklumat mengenai teks yang dibaca”* dengan nilai 2.94.

Daripada dapatan ini, menunjukkan bahawa secara umumnya antara tujuan kajian ini adalah untuk memperkenalkan teknik KWLH ini kepada pelajar dalam meningkatkan kemahiran membaca; dapatan menunjukkan masih berada di tahap sederhana kerana pelajar belum faham sepenuhnya teknik KWLH yang diperkenalkan di dalam pengajaran kemahiran membaca. Hal ini bertepatan dengan dapatan Baharin Abu et.al. (2007) dalam kajiannya tentang kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar universiti bahawa skor min bagi aspek kemahiran membaca berada antara yang sederhana di mana pelajar masih kurang menggunakan teknik membaca yang betul seperti mengkaji rangka topik dahulu sebelum membaca sepenuhnya dan kurang membuat rumusan isi dengan perkataan sendiri.

Sebagaimana kajian yang dibuat oleh Nur Syazwina et.al. (2012) mengenai kajian meningkatkan kemahiran asas membaca teks Arab melalui kemahiran membaca Al-Qur'an dan kaedah latih tubi mendapati bahawa pemilihan kaedah, strategi, teknik dan pendekatan yang sesuai dalam satu sesi pengajaran dan pembelajaran merupakan langkah yang penting untuk menentukan sejauh mana objektif pengajaran dapat dicapai. Di samping kaedah latih tubi dan latihan pembacaan

berterusan adalah pendekatan yang sesuai dijalankan ke atas pelajar bagi memantapkan kemahiran mereka membaca teks bahasa Arab.

Penerimaan pelajar terhadap teknik ini mendapat respon yang positif daripada pelajar “*Saya setuju jika teknik ini diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa khususnya bahan bacaan di peringkat universiti*” dengan nilai skor min iaitu 3.66 berada pada tahap interpretasi tinggi. Maka boleh diteruskan pelaksanaannya dan diaplikasi dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca di KUIS. Sejajar dengan pandangan Yahya Othman(2004), terdapat lima teknik yang biasa digunakan dalam kemahiran membaca. Walau bagaimanapun, teknik SQ3R dan KWLH dikenal pasti sebagai teknik membaca yang popular dalam meningkatkan kemahiran membaca. Pelajar boleh mengamalkan teknik membaca secara ‘scanning’ iaitu membaca untuk mencari isi penting. Teknik mengimbas ini adalah satu kaedah membaca yang digunakan untuk mendapat maklumat atau isi penting di dalam sesuatu teks (Mohd. Nashuba Jamidin et. al., 1999)

Kebanyakan pelajar telah mempunyai pengetahuan sedia ada berkaitan teks yang dipelajari ditambah pula dengan gambaran dan bantuan maklumat tambahan, ia dapat mengukuhkan penguasaan bahan bacaan kerana pelajar akan lebih bebas berfikir. Pada item “*Saya dapat mencari maklumat tambahan yang baru berkaitan teks yang dibaca*” dengan nilai skor min 3.60 berada pada tahap tinggi kerana pelajar diberi tugas untuk mencari maklumat tambahan berkaitan teks dan bebas untuk mencari bahan dalam pelbagai bentuk seperti graf, gambar, carta dan video bagi menguasai kefahaman terhadap bahan bacaan. Selain daripada tumpuan yang diberikan semasa belajar, pelajar juga perlu mengaitkan maklumat yang dibaca dengan pengetahuan sedia ada. Pelajar perlu menganalisis maklumat, membuat rumusan dan kesimpulan seperti yang disarankan dalam Taksonomi Bloom. Kelemahan yang selalu berlaku ialah selepas membaca, pelajar tidak merumuskan isi topik dengan perkataan sendiri. Ini menunjukkan pelajar jarang membuat refleksi selepas membaca sesuatu topik. Witrock (1990) dalam kajiannya menyatakan bahawa pelajar boleh mengaitkan bahan yang dipelajari dengan pengetahuan sedia ada semasa membuat refleksi.

Pada item ke-3 “*Teknik ini dapat meningkatkan penguasaan kefahaman bahan bacaan dalam kelas*” dengan nilai skor min 3.54 berada pada tahap tinggi. Hal ini kerana pengetahuan lalu penting untuk memahami maklumat baru. Menurut Yahya Othman (2008), teori skemata memainkan peranan penting dalam proses membaca. Bagi tujuan tersebut, pembaca membina pengetahuan asas atau mengingat perkara yang mereka telah sedia ada mengetahuinya sebelum memperkenalkan pengetahuan yang baru. Oleh itu, dalam penguasaan membaca, pembaca perlu dibantu dari aspek pengetahuan lalu bagi memudahkannya menguasai pengetahuan baru dan dapat membantu pemahamannya terhadap teks yang dibaca. Ini bermakna untuk tujuan memahami perkataan, ayat dan wacana bukan hanya melibatkan kemampuan atau pengetahuan linguistik semata-mata, tetapi juga meliputi pengetahuan dunia yang lebih luas.

7. CADANGAN

Beberapa cadangan penambahbaikan yang perlu diberi perhatian untuk diimplementasi secara terancang dan teratur dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab umumnya dan khususnya dalam menguasai kemahiran asas dan utama bahasa iaitu kemahiran membaca agar proses pengajaran dan pembelajaran tidak hanya memfokuskan kepada bacaan tanpa tujuan yang akhirnya mengurangkan minat pelajar terhadap membaca. Cadangan dibahagikan kepada dua fokus utama iaitu;

1. Cadangan kepada tenaga pengajar;
 - i. Pensyarah perlu memilih kaedah, strategi dan teknik yang sesuai dalam pembelajaran bahasa untuk menguasai kemahiran membaca.

- ii. Pensyarah memperkenalkan kepada pembaca beberapa alternatif lain dalam teknik-teknik membaca antaranya Teknik SQ3R , Teknik SQ4R, Teknik REAP dan lain-lain untuk menarik minat pelajar terhadap bahan bacaan.
- iii. Pendekatan aspek kognitif dalam proses membaca, agar bahan bacaan yang dibaca oleh pelajar dapat memberi tujuan untuk berfikir, menganalisis, membuat refleksi dan mengulas refleksi tersebut menggunakan bahasa yang mudah difahami.
- iv. Penglibatan pelajar secara aktif melalui kepelbagaian aktiviti bahasa yang cenderung kepada tujuan komunikatif dalam kemahiran asas berbahasa terutamanya kemahiran membaca.
- v. Mempelbagai bentuk tugas kepada pelajar untuk peningkatan kemahiran membaca selain dari fokus utama pengkayaan kosa kata dan pemahaman teks dalam menguasai bahan bacaan.

2. Cadangan penambahbaikan daripada pelajar untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran membaca;

- i. Adakan ujian membaca dengan baris yang betul supaya pelajar cuba untuk mempelajari dengan bersungguh-sungguh.
- ii. Aplikasi pembelajaran dalam bentuk fizikal contoh lakonan supaya lebih mudah untuk memahami.
- iii. Biasakan pelajar-pelajar membaca petikan sebelum memulakan pelajaran.
- iv. Adakan pencarian perkataan-perkataan baharu di dalam bahasa Arab.
- v. Melaksanakan kempen berkaitan kemahiran membaca.
- vi. Mempraktikkan kaedah-kaedah yang menarik untuk menarik minat pelajaran.
- vii. Memastikan semua pelajar membaca petikan dengan kuat dan jelas untuk diperiksa dan diperbaiki.
- viii. Setiap pelajar perlu memberikan 10 perkataan baharu Bahasa Arab dan saling bertukar antara satu sama lain untuk menambah perbendaharaan kata Arab.
- ix. Memperbanyakkan aktiviti berkumpulan.
- x. Banyakkan program Bahasa Arab untuk menguatkan kelemahan dalam menguasai bahasa Arab kepada pelajar.
- xi. Sebelum mula kelas, mesti baca satu ayat al-Quran.

8. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, adalah diharapkan kajian ini dapat memberikan satu alternatif kepada tenaga pengajar bahasa terutamanya bahasa Arab untuk mempelbagaikan teknik pengajaran terutamanya dalam pengajaran kemahiran membaca. Ini kerana, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua berbeza daripada bahasa pertama. Proses membaca akan menjadi satu perjalanan dan pengembaraan ilmu yang menarik andai pemilihan strategi dan teknik yang sesuai ditentukan. Hal ini juga dapat membantu mempertingkatkan kualiti pengajaran para pendidik bahasa. Walau bagaimanapun, penentuan kaedah dan pelaksanaan strategi dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca adalah perkara utama yang perlu dijadikan panduan dalam pemilihan teknik yang ingin dijalankan.

RUJUKAN

- Abdul Azizi Musa. (1998). *Pengajaran Nahu Bahasa Arab; Satu Kajian Kes di Maahad Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan*. 69-70.
- Abdul Ghani Hassan. (1999). *Kesilapan Membina Ayat Asas Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*.
- Ab. Halim Mohamad & Che Radiah Mezah.(2005). *Ketepatan terjemahan struktur ayat Arab ke dalam bahasa Melayu: Satu kajian kes*. Kertas kerja Seminar Antarabangsa MICOLLAC,UPM.
- Ab. Halim Mohamad. (2007). *Masalah Komunikasi Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Bachelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. Prosiding Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam Ke-4 2007.
- Ab. Halim Mohamad. (2009). *Tahap Komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar sarjana muda bahasa Arab di IPTA Malaysia*. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1).1-14.
- Alias Baba. (1999). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awang Sariyan. (2000). *Warna dan suasana perancangan bahasa Melayu di Malaysia*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharin Abu,Othman Md Johan,Syed Mohd Shafeq Syed Mansor& Haliza Jaafar (2007). : *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan, Utm Johor*. Research Vote No: 71881. Laporan Penyelidikan.
- Carrel,O.1992a. Awareness of text structure: Effect on recall. *Language Learning* 42:1-20.
- Carrel,P.L.1983b. Three components of background knowledge in reading comprehension. *Language Learning* 33:183-205.
- Che Kamarudin Kamel Che Muhammad. (1999). *Satu Kajian Penguasaan Nahu Bahasa Arab Peringkat Menengah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Arab*. 70-74.
- Goodman, K. S. (1994). *Reading writing and written text: A transactional sosiopsycholinguistic view*. In R.B.Ruddle,M.R.Ruddle,& H. Singer. Eds. *Theoretical models and process of reading*. 4th Edition. Newark: International Reading Association.
- Johnson,P.1981.Effect on reading comprehension on language complexity and cultural background of a text. *TESOL Quarterly* 15(2):169-181.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Zawawi Ismail & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2002). *Peranan persekitaran bahasa Arab terhadap kemahiran Bahasa Arab Komunikasi*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 1. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kidd,V.S. dan B.E.Greene.2002. Comprehension instruction:beyond strategies. *Reading Teachers* 55(7):672-676
- Koda,K.(2005). *Insights into Second Language Reading : A Cross-Linguistic Approach*.Cambridge: Cambridge University Press.

- Krashen,S.(2002). Developing Academic Language: early L1reading and later L2 reading. *International Journal Social Language* 155/156:143-151.
- Kamarul Shukri, Mohamed Amin, Nik Mohd Rahimi & Zamri Mahamod. (2009). *Strategi metafizik: kesinambungan penerokaan domain utama pembelajaran bahasa*. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 9(2), 1-13.
- Kemboja Ismail & Noorizah Mohd Noor. (2008). *Konsepsi pelajar terhadap pembacaan dalam bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua*. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, Volume 8(2), 19-30.
- Maimun Aqsa Lubis. (2007). *Turuq tadris al-lughah al-arabiyyah Wa I'dad Duruusihā Fi Maliziya*. Fakulti Pendidikan UKM.
- Mohd. Nashuha Jamidin et al. (1999). *Kemahiran Berfikir Dan Belajar*. Kuala Lumpur:Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Rofian Ismail,Md.Noor Hussin,Abdul Razif Zaini,Awatif Abdul Rahman,Hairun Najuwah Jamali& NorSyaidah Bahari. (2012). *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di IPTA dan IPTS*.Projek Penyelidikan Dana Dalaman KUIS.Kod Projek: 210002019.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2010). *Kedudukan bahasa Arab di Malaysia*. Di capai pada 20 Januari 2014.http://www.mymla.org/files/icmm2010_papers/ICMM2010_p42.pdf.
- Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. (1998). *Bahasa Arab untuk kemahiran komunikasi:satu kajian tentang perlaksanaannya dan cabaran pengajaran dan pembelajaran di abad ke-21*. Dlm Prosiding isu-isu pendidikan negara. Bangi : Fakulti Pendidikan, UKM.
- Nur Syazwina Mustapa et al. (2012). *Kajian Meningkatkan Kemahiran Asas Membaca Teks Arab Melalui Kemahiran Membaca Al-Qur'an Dan Kaedah Latih Tubi*.Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12) Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ogle, D. (1986). KWL: A teaching model that develops active reading of expository text. *The Reading Teacher*, 40, 564-570.
- Roller,C.M. dan A.R.Matambo.1992.Bilingual readers use of background knowledge in learning from text. *TESOL Quarterly* 26(1):129-141.
- Rusydi Ahmad Ta'imah. (1989). *Al-Marji' Fi T'lim al-Lughahal-Arabiyyah Li Al-Natiqiin bi Lughatin Ukhra*. Jilid2: Jami'ah Ummul Qura: Maa'had al-Lughah.
- Smith,F. (1994). *Understanding Reading*. Edisi Kelima. Hillsdale New Jersey: Lawrence Erlbau.
- Toeimah, Rousdy Ahmed. (1985). *Dalil 'amal fi i'dad al-mawad at-ta'limiyah li baramij ta'lim al-'Arabiyyah*. Mekah al-Mukarramah: Jami'ah Umm al-Quran.
- Witrock, M.C. (1990). Generative Process of Comprehension. *Educational Psychologist*. 24(4): 345-376.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuantan.
- Yahya Othman.(2004). *Mengajar Membaca Teori Dan Aplikasi: Panduan Meningkatkan Kemahiran Mengajar Membaca*. Bentong: PTS Publication & Distribution Sdn. Bhd.

Yahya Othman. (2008). *Proses & Strategi Membaca Berkesan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Zamri Mahamod. (2007). *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pemerolehan Bahasa Pertama Dan Kedua*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.